



فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.05 | ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 127

21 OKTOBER 2024 / 1446 ١٧

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

MANISNYA IMAN
"DAN janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu
ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra'

BERKENAN HADIRI ACARA PELANTIKAN PRESIDEN, WAKIL PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat bagi menghadiri Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia.



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Majlis Permusyawaratan Rakyat / Dewan Perwakilan Rakyat dijunjung oleh Menteri

Pertahanan dan bakal Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto.

>> Muka 4

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Ahad, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Menerapkan keseimbangan, kesederhanaan dalam kehidupan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi malam tadi untuk Kali Ke-156, Khas Untuk Wanita Ke-18 bersempena dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 dengan mengundang Psikologis Klinikal, Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan, yang juga turut memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dari Masjid Kampung Salambigar.

Seterusnya, bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Pusar Ulak, Dayang Hajah Massuri binti Haji Besar, bersama guru-guru ugama Kawasan Brunei I, Jabatan Pengajian Islam (JPI) dari Surau Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (BSB).

>> Muka 8

Komitmen memperkasa inovasi kewangan, transformasi digital

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Sabtu, 19 Oktober. - Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) telah mencapai pelbagai perubahan dan perkembangan yang berjaya memperkasakan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam yang dapat dipercayai.

Pengiktirafan melalui Anugerah Payment

Initiatives of the Year dari Asian Banking & Finance dan persijilan Payment Card Industry Data Security Standard (PCI-DSS), membuktikan keberhasilan komitmen berterusan Perbadanan TAIB terhadap kecemerlangan dan kecekapan dengan semangat berdaya saing melalui inovasi demi meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti lagi selamat.

>> Muka 7

Jalani kehidupan dengan positif, produktif

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Pada era moden ini, masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan emosi semakin meningkat, khususnya dalam kalangan masyarakat Islam.

Maka di dalam memastikan keadaan mental yang sihat akan dapat membantu keupayaan seseorang untuk menguruskan emosi, menjalani, menghargai dan

menikmati kehidupan dengan cara yang positif, produktif dan seimbang.

Perkara tersebut antara inti pati forum bertajuk 'Emosi ku eh!' yang telah diadakan selaras dengan tema utama Sambutan Majlis Ilmu 2024 iaitu 'Menangani Gejala Mental'.

>> Muka 8



Berita Utama



PENANAMAN Pokok sempena Memperingati Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada BSB

Muka 9



MAJLIS Pengundian, Pemilihan Calon Ketua Kampung Serasa

Muka 16



MENGETENGAHKAN kreativiti pertukangan kayu syarikat, pengusaha industri perkayuan

Muka 18



SOS Cili Nenas tempatan kini dalam pasaran

Muka 20

Tulisan Jawi perlu terus diperkasa

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmani Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil Alamin, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya juga kita berpeluang untuk berkumpul pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yayasan paduka ayahanda,

"SENI penulisan khat atau Kaligrafi Arab telah berkembang maju sejajar dengan perkembangan tamadun Islam yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Evolusi penulisan khat dan Tulisan Jawi menjalani perubahan secara beransur-ansur menjadi lebih artistik sehingga lahirlah pelbagai jenis seni dan gaya penulisan seperti penulisan khat jenis Nasakh, Diwani dan Tsulus".

Research Centre For Islamic History, Art and Culture, Republic of Turkiye, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di atas usaha sama mereka berganding bahu bagi menjayakan Acara Mahrajan Kaligrafi Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 yang buat julung kalinya diadakan di negara ini.

Seni penulisan khat atau Kaligrafi Arab telah berkembang maju sejajar dengan perkembangan tamadun Islam yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Evolusi penulisan khat dan Tulisan Jawi menjalani perubahan secara beransur-ansur menjadi lebih artistik sehingga lahirlah pelbagai jenis seni dan gaya penulisan seperti penulisan khat jenis Nasakh, Diwani dan Tsulus.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam mengatur langkah ke arah memartabatkan seni khat. Bermulanya dari

titah paduka ayahanda pada tahun 1991 sempena Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, di mana kita bukanlah menolak Tulisan Rumi sebagai budaya universal tetapi nisbah kepada kita orang Islam, maka Jawi itu adalah mustahak hidup dan diberi nafas, selaras dengan Tulisan Rumi.


Oleh itu, saya berpendapat bahawa Tulisan Jawi perlu terus diperkasa kerana ianya adalah merupakan salah satu khazanah Islam yang sangat bernilai.

Ke arah ini, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan paduka ayahanda telah memulakan beberapa projek dan usaha yang memfokus kepada memberi dorongan dan bimbingan khususnya di kalangan anak-anak muda mengenai ilmu penulisan khat. Semoga dengan usaha murni ini, dapatlah kita nanti melihat dan melahirkan pakar-pakar dari kalangan mereka yang mampu memartabatkan lagi kegemilangan seni penulisan khat di negara ini.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Research Centre for Islamic History, Art and Culture, Republic of Turkiye (IRCICA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Mahrajan Kaligrafi Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024.

Maka dengan lafadz Bismillahir Rahmani Rahim, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidina Muhammad, Wa 'Alaa Aalihi Wasahbihih Wasallim.

Saya dengan sukacita merasmikan Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Rabu, 12 Rabiulakhir 1446 Hijrah bersamaan 16 Oktober 2024 Masihi.

Negara Brunei Darussalam 2024.
Sekian.
Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG 21 OKTOBER 2024

Melestarikan, memperkasakan Tulisan Jawi

TULISAN Jawi atau Seni Khat Jawi merupakan sebuah khazanah dan warisan kesenian tamadun Islam yang sangat berharga dan sinonim dengan identiti Melayu. Dalam masyarakat teknologi maklumat pada masa kini, Tulisan Jawi telah menjadi sejenis seni dan kemahiran dengan melentur dan menggayaan kreativiti masing-masing menjadi tulisan kaligrafi yang cantik. Hasil kaligrafi dapat dijadikan bahan pameran dan juga keuntungan kepada seseorang individu.

Tulisan Jawi haruslah dipentingkan dan dikembangkan kerana Tulisan Jawi mempunyai nilai estetika yang tinggi, klasik dan unik. Namun, tulisan ini semakin tidak difahami oleh generasi muda kini kerana kelemahan generasi muda dalam mempelajari Tulisan Jawi. Oleh itu, pemerkasaan Tulisan Jawi telah dipertingkatkan dengan melibatkan semua peringkat sama ada di sekolah menengah atau institusi tinggi.

Tulisan Jawi banyak digunakan dalam bidang pendidikan iaitu bidang pengajian Islam seperti bidang Syariah, Usuluddin, Al-Quran dan lain-lain lagi. Pengaruh Tulisan Jawi mampu diperluaskan di luar kampus apabila mereka mula memasuki dunia pekerjaan. Mereka ini berupaya menjana idea yang kreatif dan pelbagai dalam memperkasakan Tulisan Jawi.

Pendidikan juga telah berkembang dan telah disampaikan kepada orang-orang Melayu, khususnya generasi tua dahulu melalui Tulisan Jawi. Golongan belia di negara ini sewajarnya memartabatkan Tulisan Jawi kerana Tulisan Jawi ini adalah satu tulisan khusus yang dahulunya menjadi tulisan yang digunakan oleh orang tua-tua untuk menimba ilmu pengetahuan.

Di Negara Brunei Darussalam, Tulisan Jawi digunakan pada papan-papan tanda jabatan-jabatan, syarikat-syarikat perniagaan, jalan-jalan serta kereta-kereta perniagaan. Kedudukan Tulisan Jawi terus diperkuuhkan dengan menjadikannya sebahagian daripada peraturan seperti terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 21/1988, yang menggariskan peraturan penggunaan Tulisan Jawi dalam urusan kerajaan dan swasta termasuk perniagaan.

"Kita adalah tidak mahu kehilangan Tulisan Jawi, sebab inilah satu-satunya yang agung dan besar dari warisan yang masih tinggal yang boleh kita banggakan. Kehilangan tulisan ini akan banyak menjelaskan kepentingan-kepentingan kita, seperti pudarnya semangat nasional dan binasanya agama, kerana fungsi tulisan itu juga mendukung kedua-dua perkara tersebut". (Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1991).





Bagi yang ingin mengasah kefasihan mereka membaca Jawi, akhbar rasmi Pelita Brunei juga mempunyai ruang Khutbah Jumaat yang mana Tulisan Jawi digunakan. Langkah ini juga adalah sebagai memperkasakan Tulisan Jawi bagi para pembaca.

Tulisan Jawi perlu diperkasa semula kerana ia merupakan khazanah yang sangat bernilai untuk negara kita. Oleh itu, generasi penerus negara perlu memperkasakan Tulisan Jawi agar khazanah yang berharga ini akan tetap 'hidup' untuk generasi akan datang.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

WAKTU SEMBAHYANG										
OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	ISNIN	17	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	SELASA	18	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	RABU	19	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	KHAMIS	20	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	JUMAAT	21	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	SABTU	22	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
27	AHAD	23	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan  29 °C 24 °C	Pekan Bangar  29 °C 24 °C	30 °C 24 °C
Pekan Tutong  29 °C 24 °C	 29 °C 25 °C	30 °C 24 °C
Kuala Belait  29 °C 24 °C	 29 °C 24 °C	29 °C 24 °C
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		 www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Ahad, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berkenan berangkat meninggalkan Jakarta, Republik Indonesia setelah menghadiri Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang

Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.

NBD dan Republik Indonesia menikmati jalinan persahabatan dan hubungan kerjasama dua hala yang erat dan mesra dalam bidang perdagangan dan

pelaburan, pertahanan, pendidikan, kesihatan, buruh dan pertukaran rakyat.

Kedua-dua negara telah menujuhkan hubungan diplomatik pada Januari 1984 dan juga bekerjasama rapat melalui kerjasama serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN, APEC, OIC dan BIMP-EAGA.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan.



Kebawah DYMM berkenan berangkat ke State Dinner Reception



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke State Dinner Reception yang berlangsung di Istana Negara.

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Ahad, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan berangkat ke State Dinner Reception yang berlangsung di Istana Negara. Juga hadir pada resepsi tersebut

ialah tetamu-tetamu luar negara yang lain. Resepsi tersebut turut diserikan dengan beberapa Persembahan Muzik dan nyanyian.

BERANGKAT MENGHADIRI PERJUMPAAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri perjumpaan bersama mantan Wakil Presiden Republik Indonesia, Jenderal TNI. (Purn) H. Try Sutrisno dan mantan Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan, Republik Indonesia, Jenderal TNI. (Purn) Dr. H. Wiranto (kiri sekali dan kiri).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Ahad, 20 Oktober. -

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan berangkat menghadiri perjumpaan bersama mantan Wakil Presiden Republik

Indonesia, Jenderal TNI. (Purn) H. Try Sutrisno, semasa tempoh pentadbiran Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto pada 1993 hingga 1998.

Selepas perjumpaan berkenaan, Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengadakan perjumpaan bersama mantan Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan, Republik Indonesia, Jenderal TNI. (Purn) Dr. H. Wiranto, semasa tempoh pentadbiran Tuan Yang Terutama Presiden Joko Widodo pada 2016 hingga 2019.

Berkenan hadiri Acara Pelantikan Presiden, Wakil Presiden Republik Indonesia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama tetamu-tetamu luar negara yang lain berjalan beriringan menuju ke Sesi Plenari Majelis Permusyawaratan Rakyat bagi Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan Majlis Mengangkat

Sumpah Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto sebagai Presiden Republik Indonesia yang Ke-8, diikuti dengan Majlis Mengangkat Sumpah Tuan Yang Terutama Gibran Rakabuming Raka sebagai Wakil Presiden Republik Indonesia.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan Minit-minit Perasmian dan ucapan perasmian daripada Tuan Yang Terutama Presiden Indonesia.

Pada penghujung Acara Pelantikan tersebut, Presiden Republik Indonesia, TYT Prabowo Subianto dan Wakil

Presiden Republik Indonesia, TYT Gibran Rakabuming Raka bersalam-salaman dengan Kebawah DYMM dan tetamu-tetamu luar negara yang lain.



MAJLIS Mengangkat Sumpah Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto sebagai Presiden Republik Indonesia yang Ke-8.

Berangkat tiba di Jakarta, Republik Indonesia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia, yang akan berlangsung pada 20 Oktober 2024 (atas dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Acara Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia, yang akan berlangsung pada 20 Oktober



2024.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Gunadi Sadikin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya dijunjung berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik dan menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Indonesia serta 21 das tembakan meriam. Juga hadir bagi menjunjung

keberangkatan tiba Kebawah DYMM ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah. Sementara gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Acara



Pelantikan Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia, yang akan berlangsung pada 20 Oktober 2024.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah kerabat diraja.

>> Muka 6

>> Muka 5

Berangkat sama dan hadir bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia (kanan).



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah kerabat diraja (bawah).



DPMM FC BERPESTA GOL

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang
Abdul Hamid



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang AKSE Bersatu. Berangkat sama ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman (kiri dan kanan).

JERUDONG, Sabtu, 19 Oktober. -DPMM FC meraikan kecemerlangan apabila berjaya menewaskan AKSE Bersatu 6-1 pada perlawanan Liga Super Brunei yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini malam tadi.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Berangkat sama ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntasim, selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

Pada perlawanan berkenaan, DPMM FC telah membuka tirai

jaringan pada minit ke-25 yang dijaringkan oleh pemain penyerang, Sergio Mendiguchia Iglesias. Kemudian, pada minit ke-31, pemain DPMM FC, Muhammad Razimie Ramli telah dilayangkan kad kuning.

AKSE Bersatu membuat pertukaran pertama pada minit ke-41 dengan mengeluarkan Hasmadi Wahid dan memasukkan Mohammad Zainul Ariffin Mahdinee.

Sebaik sahaja permainan bersambung, DPMM FC berjaya menambah lagi jaringan pada minit ke-42 dan selang beberapa minit sebelum penamat babak pertama, AKSE Bersatu sekali lagi dikejutkan lagi dengan gol ketiga DPMM FC (hatrik) hasil jaringan daripada Sergio Mendiguchia Iglesias.

Pada babak kedua pula, DPMM FC sekali lagi berjaya menjaringkan gol keempat

pada minit ke-52 melalui pemain sayap kiri, iaitu Muhammad Razimie Ramli.

DPMM FC telah membuat pertukaran seramai tiga pemain pada minit ke-59 apabila mengeluarkan Muhammad Zarif Muzaffar Abdulhanna Rizal, Muhammad Razimie Ramli serta Muhd. Irfan Muhd. Ikhwan Chin, dan memasukkan Awangku Hadi Aiman Pengiran Hamizal, Mohd. Adrian Zizry Mohd. Norkhairi

dan Muhammad Akram Waqeel Muhammad Bakri.

Tidak lama kemudian, Sergio Mendiguchia Iglesias sekali lagi berjaya menggegarkan gawang pihak lawan apabila berjaya menjaringkan gol kelima buat DPMM FC pada minit ke-60.

Sementara itu, AKSE Bersatu melakukan pertukaran pemain, iaitu dengan mengeluarkan Mohammad Ya'akub Haji Matyassin serta 0282 Kpl. Md. Fadzil Ismail Hamdani dan digantikan oleh Md. Hamdi Roslan dan Shahronny Haji Awang.

AKSE Bersatu tidak melepaskan peluang apabila diberikan sepakan percuma dan akhirnya membubahkan hasil apabila berjaya dijaringkan oleh Mohammad Zainul Ariffin Mahdinee pada minit ke-63.

DPMM FC tidak hanya berdiam diri dan terus menguasai permainan dengan menjaringkan gol terakhir perlawanan melalui sepakan sudut dan bola ditanduk masuk oleh Sergio Mendiguchia Iglesias pada minit ke-74.

Melalui perlawanan berkenaan, DPMM FC telah memperoleh 3 mata penuh dan menaiki tangga kedudukan dalam kempen Liga Super Brunei musim ini.



TURUT menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntasim, selaku Ketua Pasukan DPMM FC (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir memberikan sokongan.

KOMITED MEMPERKASA INOVASI KEWANGAN, TRANSFORMASI DIGITAL



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu-tetamu khas pada Majlis Makan Malam Tahunan sempena Ulang Tahun Ke-33 Penubuhan Perbadanan TAIB.

>> Muka 1

Perkara itu digariskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dalam ucapan khasnya pada Majlis Makan Malam Tahunan sempena Ulang Tahun Ke-33 Penubuhan Perbadanan TAIB di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong.

Yang Berhormat menekankan inovasi akan terus menjadi teras

utama dalam hala tuju pelan strategik Perbadanan TAIB, yang mana dengan pelancaran produk dan perkhidmatan yang baharu serta penambah baik produk yang sedia ada, Perbadanan TAIB akan dapat memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik, melalui budaya kerja dan perkhidmatan yang telus, berakauntabiliti serta berhemah.

Bukan itu sahaja Perbadanan TAIB katanya, perlu juga bertekad untuk terus menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan Rancangan Induk Ekonomi Digital negara melalui inovasi kewangan dan transformasi digital yang berterusan.

"Projek-projek seperti kerjasama

dengan National Digital Payment Network (NDPX), pembiayaan untuk Automac, sokongan terhadap industri akuakultur melalui projek Barramundi serta pembinaan Sekolah DES, adalah contoh-contoh nyata bagaimana kita membantu memperkuuhkan ekonomi digital dan menyokong pembangunan sosioekonomi negara," terang Yang Berhormat.

Oleh itu, Perbadanan TAIB tegasnya, perlu terus mempertingkatkan kemampaman dengan mengintegrasikan amalan ESG (Environmental, Social, and Governance), termasuklah usaha-usaha atau projek yang diungkayahkan seperti inisiatif hijau, penanaman pokok dan

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzi

program tanggungjawab sosial yang lain, dalam memastikan Perbadanan TAIB terus relevan dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar.

Yang Berhormat juga mengingatkan setiap warga kerja Perbadanan TAIB agar sentiasa berpanduan nilai-nilai teras C.A.R.E.S (Customer, Amanah, Respect, Excellence, Solution) dalam tadbir urus, selain kepentingan mengamalkan akauntabiliti dan integriti dalam setiap aspek operasi demi memperkuuhkan lagi etika dan budaya kerja yang cemerlang.

"InsyaaAllah, dengan niat yang suci dan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala, Perbadanan TAIB akan dapat merealisasikan visi dan misi sebagai peneraju utama, dalam pembangunan kewangan Islam yang mampan, memberikan manfaat kepada masyarakat dan menyokong kemajuan negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dalam ucappannya turut melahirkan ucapan syabas kepada Perbadanan TAIB atas pengurusan Acara Kesukanan Kumpulan Syarikat-Syarikat Perbadanan TAIB, TGOC Sports pada tahun ini, yang mana dengan kerjasama berpasukan dan semangat kompetitif yang teguh semasa acara diadakan itu akan dijadikan pendekatan utama dalam budaya kerja seharian.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga turut merakamkan ucapan tahniah kepada anak-anak syarikat Perbadanan TAIB, iaitu,

Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad yang tahun ini masing-masing juga meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-31.

Mengakhiri ucapan khas tersebut, Yang Berhormat juga menyeru untuk sama-sama menadah tangan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga raja dan negara yang kita cintai serta semua warga Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta keluarga, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) amnya akan terus dikurniakan dengan nikmat rahmat perlindungan, kesihatan dan kesejahteraan dan NBD akan berpanjangan dan terlepas dari segala musibah dan apa jua bencana.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa berucap pada majlis berkenaan.

Perbadanan TAIB raikan Ulang Tahun Ke-33



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu-tetamu khas majlis (atas), manakala gambar bawah, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyampaikan hadiah dan piala kepada juara Kejohanan Sukan Antara Rumah TAIB Group Of Companies (TGOC) 2024.



JERUDONG, Sabtu, 19 Oktober. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) malam

tadi mengadakan Majlis Makan Malam Tahunan sempena Ulang Tahun Ke-33 penubuhannya di

Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Haji Muhammad Fakhri bin Haji Hassan.

Seterusnya ucapan alu-aluan dari Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim selaku Pengurus Majlis yang antara lain menekankan komitmen teguh organisasi terhadap inovasi dan kecemerlangan.

Beliau turut melahirkan rasa syukur atas pencapaian terkini organisasi, termasuk penerimaan Anugerah Payment Initiatives of the Year yang berprestij daripada Asian Banking and Finance, yang beliau kaitkan dengan dedikasi Perbadanan

TAIB dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan memacu pertumbuhan digital yang berdaya tahan.

Bukan itu sahaja, beliau juga menggariskan kepentingan pensijilan PCI DSS organisasi, yang memastikan keselamatan data pelanggan sejarar dengan piawai antarabangsa.

Dalam pada itu, Datin Hajah Hasnah turut menekankan keperluan untuk bersikap proaktif dan berpandangan ke hadapan dalam mengekalkan kelebihan kompetitif Perbadanan TAIB, bagi mengelakkan sikap leka dan terus memperkuuhkan reputasi Perbadanan TAIB sebagai institusi kewangan yang dipercayai dalam mengendalikan transaksi digital yang selamat dan terjamin.

Seterusnya ucapan khas daripada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Kemuncak acara ialah penyampaian hadiah dan piala kepada juara Kejohanan Sukan Antara Rumah TAIB Group Of Companies (TGOC) 2024 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Acara penyampaian hadiah dan piala tersebut bagi meraikan pencapaian cemerlang dari pasukan-pasukan yang berprestasi tinggi, mengiktiraf semangat kesukaran yang dipamerkan serta kerja berpasukan dan dedikasi sepanjang pertandingan.

Majlis juga menampilkan Cabutan Bertuah Utama, di

mana para hadirin berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik, menaikkan lagi semangat meraikan majlis dan kemesraan dalam komuniti Perbadanan TAIB.

Penyampaian hadiah-hadiah Cabutan Bertuah masing-masing disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi tiga pemenang Cabutan Bertuah Utama.

Pelbagai persembahan juga turut dikenangkan bagi memeriahkan lagi Majlis Makan Malam Tahunan berkenaan dengan Persembahan Drama pendek berjudul 'Jong Batu', Persembahan Hiburan dari artis tanah air, Berachun dan Dayat serta beberapa persembahan lain dari pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB.

Gabungan acara-acara ini bukan sahaja mempamerkan semangat berdaya saing tetapi juga mengukuhkan komitmen untuk memupuk perpaduan dan penglibatan dalam kalangan ahli-ahlinya.

Juga hadir sama di majlis tersebut, Penolong Mufti (Ifta'), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah selaku Pengurus Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah; Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah; dan pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan Anak-anak Syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan TAIB Filling Station Sdn. Bhd.

Jalani kehidupan dengan positif, produktif

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar atas kiri, forum dimoderatorkan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Haji Anwari.

>> Muka 1

Forum tersebut dibentangkan oleh tiga ahli panel, iaitu Profesor, Fakulti Syariah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda; Pegawai Psikologis di Unit Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan, Hajah Rozailah binti Haji Abdul Rahman; dan Pegawai Pelajaran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti

Hanisah binti Haji Osman. Forum telah dimoderatorkan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Haji Anwari.

Forum Daerah - daerah sempena Majlis Ilmu 2024 bagi Daerah Brunei dan Muara ini telah diadakan pagi tadi di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja - Seminar Majlis Ilmu 2024.

Juga hadir sama, Timbalan Pengerusi Bersama; Setiausaha Tetap; Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan; pegawai dan kakitangan kerajaan; para jemputan khas; para panel forum; pihak swasta; pensyarah - pensyarah; mahasiswa-mahasiswi dan persatuan-persatuan.

Dalam menghadapi dan menangani apa juga musibah, pendekatan Negara Brunei Darussalam tetap tidak berubah dengan cara bersabar, berusaha dan berikhtiar.

Maka penting untuk mengenal pasti tatacara dan kaedah pencegahan gangguan mental, rawatan sepadu yang menggabungkan intervensi medikal dengan rawatan ketuhanan, dan pemulihan penyakit mental.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal
Ugama

>> Muka 1

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Dr. Noryati binti Haji Ibrahim dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, BSB. Diikuti tazkirah ilmiah disampaikan oleh Pegawai Psikologi (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Dayang Fauziyyah Hanani binti Haji Abd. Manap, yang bersiaran dari Republik Singapura.

Perkara yang disampaikan di dalam tazkirah berkenaan menekankan bahawa memelihara kesihatan mental adalah penting kerana ia merupakan salah satu amanah dan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Kesihatan mental yang baik membantu manusia dalam menyempurnakan ibadah. Seseorang itu dapat khusyuk dalam solatnya, menjamkan ingatannya untuk menghafaz ayat-ayat suci Al-Quran, dan mudah meningkatkan lagi ilmu pengetahuan serta kefahaman.

Antara perkara yang dapat diperlakukan demi menjaga kesihatan mental adalah dengan menerapkan keseimbangan dan kesederhanaan dalam kehidupan kita sehari-hari. Ini termasuk keseimbangan dalam memperuntukkan masa bagi menunaikan kewajipan agama, masa dengan keluarga, dengan kerja, dan dengan diri sendiri.

Seterusnya, menerapkan kesederhanaan dalam pemakanan. Di samping itu, bersederhana dalam pergaulan sehari-hari dengan keutamaan menjaga habluminannas.

Selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Pelambayan, Dayang Sarbanun

MENERAPKAN KESEIMBANGAN, KESEDERHANAAN DALAM KEHIDUPAN



PROGRAM Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama diteruskan untuk kali Ke-156, Khas Untuk Wanita Ke-18 bersempena dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi.

binti Haji Hussein, bersama guru-guru ugama Kawasan Brunei I, JPI dari Surau Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama / Guru Besar Sekolah Ugama Mabohai, Dayang

Hajah Rosinah binti Haji Abdul Karim, dari Surau Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Turut sama mengimarahkan acara Munajat Malam berkenaan ialah guru-guru ugama Kawasan Brunei I, JPI; jemaah Muslimah dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Masjid Kampung Salambigar dan beberapa buah masjid di negara

ini.

Juga turut serta, warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon

keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NDB dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

MEMPERTINGKATKAN USAHA PENGIMARAHAN MASJID



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Memperingati Ulang Tahun Penubuhan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang Kali Ke-10, satu Ceramah Perdana Tadabbur Al-Quran diadakan malam tadi sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Penceramah undangan, iaitu Pengarah Urusan dan Felo Pendidik Tadabbur Centre Sdn. Bhd., Malaysia, Syahmi Syazeril

bin Azmi menghuraikan tajuk ceramahnya 'Membina Keperibadian Seperti Nabi Yusuf Alaihi Salam', iaitu dari Surah Yusuf, ayat 4 hingga 6, ayat 15, ayat 23 hingga 24 serta ayat 55 hingga 77.

Ceramah Perdana yang memfokuskan kepada Tadabbur Surah Yusuf membincangkan mengenai pembinaan jati diri dan akidah oleh ayah kepada Nabi Yusuf yakni Nabi Ya'kub dan juga menyentuh tentang sangka baik Yusuf terhadap rencana Allah.

Penerangan tadabbur surah

berkenaan juga untuk menjaga diri daripada godaan hawa nafsu (babak godaan Imra-Atul Aziz terhadap Yusuf) selain daripada dakwah yang efektif (babak Yusuf AS dalam penjara) serta konsep amanah (babak sewaktu Yusuf memimpin Mesir)

Hadir mengimarahkan majlis berkenaan, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin.

Majlis berkenaan itu juga merupakan salah satu perancangan Takmir Masjid untuk mempertingkatkan usaha dalam pengimarahan masjid, khususnya dalam majlis ilmu di bidang tadabbur.



TIMBALAN Mufti Kerajaan semasa hadir mengimarahkan majlis berkenaan (kiri), manakala gambar atas, Pengarah Urusan dan Felo Pendidik Tadabbur Centre Sdn. Bhd., Malaysia, Syahmi Syazeril bin Azmi menyampaikan ceramah.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun **PenggunaBijak**

جامعة فلسطين بجامعة عجمان
JABATAN PERAKYAN DAN TRANSFORMASI SOCIETAL
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Penanaman Pokok sempena Memperingati Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada BSB



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Kempen Penanaman Pokok sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan (BSB) Kali Ke-54 Tahun diadakan petang tadi.

Kempen Penanaman Pokok berkenaan diadakan di sekitar



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir bagi menyempurnakan Pelancaran Kempen Penanaman Pokok sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan (BSB) Kali Ke-54 Tahun di kawasan berkenaan (kiri), manakala gambar atas, antara yang menyertai kempen tersebut.

berkenaan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Sebanyak 10 pokok Bucida Molinetti 'Variegated' ditanam pada kempen berkenaan.

Adapun Kempen Penanaman Pokok berkenaan adalah sebagai usaha ke arah mendukung Dasar Perubahan

Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dalam mendukung Garis Panduan Protokol Hijau yang merupakan salah satu inisiatif di bawah garis panduan ke arah mengurangkan jejak karbon di premis-premis sektor kerajaan yang mempunyai tujuh elemen utama, iaitu penggunaan tenaga, penggunaan air, penggunaan kertas, penggunaan plastik, pembuangan sisa-sisa pepejal,

pengurusan acara-acara rasmi dan penanaman pokok.

Dalam masa yang sama, kempen berkenaan diharapkan akan dapat mencapai matlamat dan hasrat kita untuk memupuk kesedaran orang ramai tentang nilai dan keperluan mewujudkan persekitaran yang bersih dan cantik di seluruh negara terutama sekali di persekitaran ibu negara kita BSB dan kawasan persekitarannya.

PESURUHJAYA POLIS DIANUGERAHKAN DARJAH UTAMA BAKTI CEMERLANG

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Ahad, 20 Oktober. - Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dianugerahkan Darjah Utama Bakti Cemerlang 'Distinguished Service Order' oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam pada 15

Oktobre 2024 di Dewan Bankuet, Istana Singapura.

Darjah berkenaan merupakan penghargaan atas kepimpinan Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dalam hubungan dua hala antara PPDB dan Pasukan Polis Singapura yang telah diperkuuh dengan kerjasama erat dalam pembinaan kapasiti dan keupayaan, seperti

pertukaran latihan bersama antara kedua-dua pasukan polis yang membantu mengasah kemahiran khusus pegawai.

Kerjasama erat berkenaan mencerminkan komitmen Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan untuk memajukan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura, seterusnya meningkatkan keselamatan kedua-dua buah negara.

"Pasukan Polis Singapura dan PPDB menikmati persahabatan lama yang dibina atas kepercayaan bersama dan komitmen yang kukuh untuk memerangi jenayah."

"Kami akan terus mengukuhkan persahabatan ini dan memanfaatkan keakraban gabungan kami untuk melindungi negara kita dengan lebih baik," kata Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hoong Wee Teck.

Semasa berada di Singapura, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan telah membuat kunjungan hormat kepada Perdana



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa dianugerahkan Darjah Utama Bakti Cemerlang 'Distinguished Service Order' oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam.

Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan

Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hoong Wee Teck.

'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' serikan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 (atas), manakala gambar bawah, tazkirah disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Unit Da'wah Daerah Tutong, PDI, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Oktober. - Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Bahagian Kemajuan Syiar Islam dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien awal pagi tadi mengadakan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Sejurus selepas Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan bacaan wirid, atur cara diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Unit Da'wah Daerah Tutong, PDI, Awang Muhammad

Syahirul Syafiq bin Rashid.

Program seumpama berkenaan diadakan adalah bagi mengajak dan mengalu-alukan orang ramai untuk menghadirkan diri bagi bersama-sama memakmurkan masjid secara istiqamah (berterusan) dalam mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu yang sebagaimana kita ketahui bahawa mendirikan sembahyang secara berjemaah berkennaan mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang secara persendirian.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat juga memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai dengan terlebih dahulu meraih keberkatan melalui kehadiran bagi memakmurkan rumah Allah, menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang sebelum mereka memulakan langkah untuk aktiviti beriadah mahupun bersukan.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Pendidikan dan KHEU; serta ketua-ketua jabatan, para pegawai dan juga guru-guru daripada institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.



Platform bagi belia masjid bertukar pendapat, bermuzakarah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Oktober. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi Belia Masjid Senegara hari ini mengadakan Program Serasehan Belia-belia Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Hari Belia Kebangsaan 2024 anjuran Belia Masjid Senegara dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertempat di Dewan Serbaguna, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Lebih kurang 100 orang terdiri daripada para belia masjid di NBD turut serta dalam menjayakan program berkenaan.

Dengan membawakan tema 'Generasi Belia, Masa Depan Kita', acara berkenaan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara para belia masjid di negara ini, di samping untuk saling memperkenalkan antara satu dengan yang lain.

Selain itu, ia juga untuk menyediakan satu wadah (platform) bagi para belia masjid untuk saling bertukar pendapat dan bermuzakarah demi mencapai gerak kerja kebeliaan dengan lebih produktif sekali gus sebagai langkah awal untuk membina hubungan antara belia masjid untuk lebih banyak bekerjasama

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai, Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis.

pada masa akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai, Tutong.

Acara dimulakan dengan Majlis Perasmian Serasehan Belia Masjid dan diselitkan dengan beberapa

aktiviti di antaranya sesi suai kenal, Sesi Muzakarah, open mic dan juga persembahan.

Sementara Sesi Muzakarah dibimbing oleh fasilitator yang terdiri daripada para belia dan belianwas yang berpengalaman daripada para belia masjid yang dikenal pasti aktif di negara ini.

Majlis diakhiri dengan penyampaian pembacaan resolusi Sarasehan Belia Masjid oleh Pengerusi AJK Tertinggi Kumpulan Belia Masjid Senegara, Awang Haji Mawardi bin Dr. Haji Morsidi.



SEKITAR Program Serasehan Belia-belia Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Hari Belia Kebangsaan 2024 di Dewan Serbaguna, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

سُرْدَلُ الْمُرْجِي

بَهَائِي إِسْتَدْرَاج

فرعون دان قارون تله دبریکن نعمت کصیحتن، کستن دان ککایان بع مليمهه رواه، اکن تناهی نعمت دنیاوي تله منجادیکن دبری مریک ظالیم، سومبوغ، اغکوه دان بوشکق. اخیرن، مریک تله دینساکن اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

رسول الله ﷺ دالم حدیث بکیندا اد مبیوتکن معنای استدراج. درقد غُبَّةٌ بَيْنَ عَامِرٍ وَمَيِّتٍ بَيْنَ بُرَكَاتٍ، درقد نبی ﷺ، بکیندا بر سیدا: **إِذَا رَأَيْتَ اللَّهَ يُعْطِي الْعَبْدَ مِنَ الدُّنْيَا عَلَىٰ مَعَاصِيهِ مَا يُحِبُّ فَإِنَّمَا هُوَ اسْتَدْرَاجٌ.**

مقصودن:

ادقون انثارا فرکارا بع دافت کیت لاکوکن باکی متابیکن دبری کیت درقد استدراج ایت ایاله دعن منیغکنکن کلایان کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، مفرجاکن عمل صالح دان بردعاه اکر ترهیندر دری استدراج. انثارا دعاه بع سریغ دیاج اولیه رسول الله ﷺ سپاکیمان تله دسویتنکن دالم سیواه حدیث روایه امام بخاری، درقد انس بن مالک رَجَلَيَّةَ كاتن، دعاه نبی ﷺ بع فالیغ سریغ دارچنکن ایاله: **اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ، وَ قَنَا عَذَابَ النَّارِ.**

جك کامو مليهم الله میریکن دنیا کفڈ ساورغ همبا فلاکو معصية دعن سسواتو بع اي سوکای، مک سسوغکوکن ایت هابلہ مروفانکن استدراج. **«حَدِيثُ رَوَاهِ إِمَامِ أَحْمَدَ»** استدراج ایت تیدق داتع دعن تیبا-تیبا. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى منیماکن استدراج ایت کفڈ مأنسی دسیکن اولیه فریواتن دان سیکت مأنسی ایت سنایری بع کوفور ترهادف نعمت الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، مندوستانکن آیه-آیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان منجادی همبا دالم هاتی دان جموا مریک. فرلو دکتهوی، بهاوا انثارا جیری-جیری استدراج دالم إسلام ایت ایاله:

فرقام: نعمت دنیا مليمهه-رواه مسکیقون کلایان تروس منوروں. افیبل الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى میریکن نعمت دنیا بع مليمهه رواه کفڈ همباء-هیبان بولیه منجادیکن سساورغ ایت برتبه کلایان، سپالیق، کیتک نعمت دمی نعمت درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت داتع سیلیه برکتی نامون قد ماس بع سام کلایان ترهادف الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تروس منوروں، مک ایت اداله جیری-جیری استدراج.

کدوا: رزقی تروس برقبه مسکیقون لالای دالم برعباده. کیتک سساورغ ایت منیغکلکن عبادهن دعن سعاج نامون رزقین مغالیر تروس منروس، جونتوهن، ساورغ مسلم جارغ اتاو بھکن تیدق فرنہ منوبنکن سمهیغ فرض اتاو اغکن مغلوارکن زکاة دشن السن تاکوت هرتان برکورع، نامون دالم ماس بع سام فکرجانی برجالن لنجر، دی جوڑ برکجوکوکن دری سکی هرتا سرتا منجالی کهندوون بع لیه بایک. سسوغکوکن کلنجاران رزقی بع دتریعا ایت اداله اوچین درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بع دنامکن استدراج.

کیک: هیدوف بر جای دان تترام مسکیقون تروس ملاکوکن معصية. اورغ بع سریغ ملاکوکن معصية دان دوسا نامون الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تیدق فرنہ میریکن اوچین کفڈ ماله تتف منوروکن نعمتن اداله ساله ساتو جیری-جیری استدراج. مسساورغ ایت براس تنع ملاکوکن معصية کران تیدق سدیکیت قون نعمت هیدوون تراس برکورعن دان مراسدا دیرین سپاکی مأنسی بع فالیغ براؤ شوغ دان بریغک ترهادف اف بع سوده دجافین. این مروفانکن ساتو بتتوق فیغکوکن سیقسسا درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

کامفت: تیدق دیمیشا قیاکیت مسکیقون ماکن ماکن دری سومبر بع تیدق حلال.

جماعه بع درجمی الله،

دادلم القرآن، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تله میریکن کیت فریقاتن دان جونته بع جلس مغیبی استدراج اونتوق کیت جادیکن سپاکی اعتبر سفرتی قیصه فرعون بع دنگلکمکن بر سام-سام فیگوکن دلاروت میره دان قیصه قارون بع دنیمکن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر سام رومهین دان سکل هرتا ککایان کدالم فروت بومی.

جماعه بع درجمی الله،

برترقوی له کیت کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیغکنکن کلایان کفڈن. سسیغکوکن اورغ بع فالیغ ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ بع فالیغ برتفوی. موده-مودهن کیت منجادی إنسان بع سنتیاس معیغیتی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بر اووله کچیان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دالم سورة الأعراف، آیه ۱۸۲-۱۸۳:

تَفْسِيرُهُ: دان اورغ-اورغ بع مندوستانکن آیه-آیه کتزاغن کامی، کامی اکن مناریق مریک برأنسور-أنسور (کاره کبینسان) دعن جارا بع مریک تیدق کتهوی. دان اکو میری تغکوکه اونتوق (میکسا) مریک. سسوغکوکن راغعن بالسنکو ساغتله تکوه.

جماعه بع درجمی الله،

أُنُوكِرَهُ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت داتع دالم فلیاکی بتتوق سام اد دری سکی علوم، هرتا، فشك، کصیحتن دان سأومقمان. سیاف نعمت این فرلو دشوکوری کران سقاتوتن نعمت دان رزقی ترسوت منجادیکن دبری کیت لبیه دکت دعن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

نامون، أُنُوكِرَهُ دان کوریا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت سریغ سهاج دساله أرتیکن، سهیغکاکن اد بع سومبوغ، تیدق منجالنکن فرینته دان سوروهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. إیشنه، کتبک مأنسی لوقا کفڈ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان تیدق مغایندهکن سوروهن، لارعن دان فریغانن، مک بولیه سهاج الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى میوکاکن فیتیر استدراج کفڈ مریک.

استدراج اداله ساله ساتو بتتوق نعمت کستن بع الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بریکن کفڈ همباء-هیبان بع لالای ترهادفن. نعمت بع دبریکن بروفا علوم، هرتا، فشك دان کصیحتن ایت اداله دلیهت سپاکی سیواه بتتوق کههاکیان نامون بع دمکین ایت اداله اوچین بتتوق مصلیحة اتاونون فراغکث.

سسوغکوکن استدراج هان دبریکن کفڈ اورغ-اورغ بع ترالو أشیق دعن دنیا دان لالای دعن فرینته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. عقیبة دوسا-دوسا بع مریک لاکوکن، سهاجارا تیدق سدر تله مغونجی هاتی مریک سنایری دری منیرا هدایه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. مریک دیبار کن منداختکن کستن دنیا دان هیغک اخیر حیاتن مریک تتف تفکلم دالم فریواتن دوسا، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مبیمار کن مریک هایبوت دالم کسیسن بع بات اکر مریک جلال کران لالای دالم برعباده عقیبة سیبیوق دعن اوروسن حال إحول دنیاوي. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دالم سورة البقرة، آیه ۷:

تَفْسِيرُهُ:

(دعن سبب کلیغکرکن مریک)، الله تله مغونجی ماتی هاتی مریک (سهیغک تیدق دافت دماسوقي اولیه کبایکن) دان فندرعن مریک (سهیغک تیدق دافت مغمبل فاندہ درقد کبیرن بع مریک دغ)، سدغکن قد فغایهین مریک اد فنوتوف (سهیغک مریک تیدق دافت ملیهت تنداد-تنداد کیسرن الله دان تیدق مندغیر نصیحت)، دان باکی مریک فولا عذاب بع بسر.

{ سورة الأنعام آية : ۴۴ }

بازك الله لئا في القرآن العظيم، وَنَفَعَنَا بِالآياتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقْبَلَ مِنَ تَلَاقِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فِي قَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا تَبَّاعِي.

دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَثْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَيْرَوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَبَبِيِّ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْقُوَّاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عَنَّاهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيِهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي،
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ وَلَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مُبَاوا اَكْبَر او نَتوْعْنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلْنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)



Kerja-Kerja Pembinaan
Kerosakan Jam Tugu
Jalan Mckerron,
Kuala Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Tawaran:
5 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

2. Keterangan Projek:
Three (3) Years Term Contract For
Grass Cutting, Grass Footpath
And Shrubs Along Road Kerb &
Desilting And Cleaning Concrete
Drain In Kuala Belait And
Seria Municipal Area

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Tawaran:
4 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 November 2024.
Jam 2.00
Petang.



Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
14 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
Membekal, Menghantar,
Memasang dan Menguji Lari
Mesin Projektor
Multimedia Bagi Sekolah-Sekolah
Di Jabatan Pengajian Islam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
13 November 2024.
Jam 2.00
Petang.



Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Mengganti Lampu
High Bay Dewan Bandaran,
Bangunan Dewan Bandaran,
Jalan Bunga Raya,
Kuala Belait,
Dibuka kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non – refundable)

Bilangan Tawaran:
06 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 November 2024.
Jam 2.00 Petang.



Keterangan Projek:
Sebut Harga Perlindungan
Insurans Berkelompok Untuk
Pegawai dan Kakitangan
Bahagian Penguinkuasaan &
Bahagian Pengurusan
Aset Perniagaan.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Tawaran:
7 / BBS / SH(K) /
2024 – 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 November 2024.
Jam 2.00
Petang.



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
13 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
Membekal dan Menghantar
Mesin Projektor (Mudah Alih)
Untuk Pengajaran
dan Pembelajaran
Di Sekolah-Sekolah Ugama,
Jabatan Pengajian Islam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 November 2024.
Jam 2.00 Petang.



Keterangan Projek :
Repair Sunken Paver Block
(Access Road) At Gerai Tudung
Saji, Kuala Belait.
Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)



Bilangan Tawaran:
21 / OKT / 2024 / KKBS /
PJK / 16.14

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pengubahsuaian
Bagi Bahagian Penyelidikan,
Perkembangan dan
Hal Ehwal Antarabangsa
Di Aras 5,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam
Renovation Works For Research,
Development And International
Affairs Section (BPPA)
At Level 5,
Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Tidak lewat
Selasa,
5 November 2024.
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Drafting Service
To Prepared Tender Document
(Including Bill Of Quantities)
For "Design & Build For
New Proposed Seawater
Intake System For
Keramat Shrimp Farm,
At Lot 22562,
Telisai, Mukim Telisai,
Tutong District,
Department Of Fisheries"

Tarikh Tutup:
Khamis,
21 November 2024.
Jam 2.00
Petang.




Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 126 / 24 - 25
Pembelian Rancangan
Luar Negeri Supply And Delivery
Of Eng Microphones &
Other Accessories

**Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 6 November 2024.
Jam 2.00 Petang.



**DA / JKSH / 132 / 2024 / 2025
[UPP-NOV-2024]**

Sebut Harga Bagi Membekal
dan Menghantar Kertas A4
Warna Putih Bagi Kegunaan Unit
Stor dan Perbekalan,
Bahagian Perkhidmatan
Kewangan dan Perbekalan,
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 2 November 2024.
(Jam 9.00 Pagi)



1. Bilangan Tawaran:
01 / BBS / SDVPMFHSLJBKBS /
2024 - 2025

Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Vehicle

Parts For Mitsubishi Fuso
BG4988 (Hiab Crane) And Hino
Skip Loader BG7747

2. Bilangan Tawaran:
02 / BBS / SDCIBKB /
2024 - 2025

Keterangan Projek:
Supply And Delivery
Of Cleaning Items
For Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

>> Muka 15

>> Muka 14

3. Bilangan Tawaran:
03 / BBS /
SDMSPGCEMEEJBKBS /
2024 - 2025

Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Machinery
Spare Parts, Grass Cutting
Safety Equipments / Materials
And Electrical Equipments

4. Bilangan Tawaran:
04 / BBS / SDOCJBKBS /
2024 - 2025

Keterangan Projek:
Supply And Delivery
Of Office Cabinet
For Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

5. Bilangan Tawaran:
05 / BBS / SDGBJBKBS /
2024 - 2025

Keterangan Projek:
Supply And Delivery
Of Garbage Bag
For Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa, 5 November 2024.
Jam 2.00 Petang.


**1. DA / JKSH / 119 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 1 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Orang Kaya
Ali Wanika Setia Diraja, Kupang
2. Sekolah Rendah Birau
3. Sekolah Menengah Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
4. Perumahan Kawasan Sekolah
Menengah RIPAS
a) Flat Kelas F, F1 (12 Unit)
b) Flat Kelas F, F2 (12 Unit)
5. Sekolah Rendah Bekiau
Daerah Tutong

**2. DA / JKSH / 120 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 2 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Kiudang
2. Flat Sekolah Rendah Kiudang
a) Flat Kelas E Kawasan
Sekolah Rendah Kiudang
3. Sekolah Rendah Batang Mitus

4. Sekolah Rendah Lamunin
5. Sekolah Rendah
Kampung Menengah
Daerah Tutong

**3. DA / JKSH / 121 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 3 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Panchong
2. Sekolah Rendah Rambai
3. Sekolah Rendah Benutan
4. Sekolah Rendah
Kampung Bukit
5. Sekolah Rendah Bukit Udal
Daerah Tutong

**4. DA / JKSH / 122 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 4 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Dato
Pemancha Saging Ukong
2. Sekolah Rendah Penapar
3. Sekolah Rendah Lubok Pulau
4. Sekolah Rendah Abdul Rashid
Tanjong Maya
5. Sekolah Menengah
Tanjong Maya
Daerah Tutong

**5. DA / JKSH / 123 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 5 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Bukit Pangal
2. Sekolah Rendah Sinaut
3. Sekolah Rendah Keriam
4. Sekolah Rendah Penanjong
5. Barek Kelas G Pwd 75
(16 Unit), Sungai Basong
Daerah Tutong

**6. DA / JKSH / 124 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 6 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Muda Hashim
2. Sekolah Menengah
Sufri Bolkiah
3. Perumahan Kawasan Sekolah
Menengah Sufri Bolkiah
- a) Flat Kelas C Pwd 547 (12 Unit)
- b) Flat Kelas F Pwd 67 (6 Unit)
- c) Flat Kelas F Pwd 68 (6 Unit)
- d) Flat Kelas F Pwd 69 (6 Unit)
4. Barek Pejabat MOE
5. Sekolah Menengah
Muda Hashim
6. Sekolah Rendah Dipa Negara
Pg Jaya Sengkarai
7. Sekolah Rendah Pengiran
Muda Mahkota, Jln Penabai
Daerah Tutong

**7. DA / JKSH / 125 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

TUT Zon 7 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Flat Kawasan Sungai Besar,
Tutong
- a) Flat Kelas F Pwd 305 (6 Unit)
- b) Flat Kelas F Pwd 306 (6 Unit)
- c) Flat Kelas F Pwd 307 (6 Unit)
- d) Flat Kelas F Pwd 308 (6 Unit)
- e) Flat Kelas F Pwd 310 (6 Unit)
- f) Flat Kelas C Pwd 311 (6 Unit)



4. Pusat Tingkatan Enam Belait

5. Sekolah Rendah Paduka Seri
Begawan Sultan Omar
Ali Saifuddien

6. Flat Kelas C Blok 654 Flat

Kawasan Sekolah Menengah

Pg Jaya Negara

Pg Hj Abu Bakar

Daerah Belait

**12. DA / JKSH / 130 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

KB Zon 4 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Menengah
Perdana Wazir
2. Barek Kelas G JKR 379 dan
380 Jalan Kema Negara
3. Banglo 373, Pejabat Jabatan
Sekolah-Sekolah, Jalan Setia
Negara, Spg 37-35
4. Banglo 374, Pejabat Unit
Perumahan dan Unit Kenderaan,
Jalan Setia Negara, Spg 37-35

5. Banglo 375, Pejabat Cawangan
Jabatan Pendidikan Khas,
Jalan Setia Negara, Spg 37-35

6. Banglo 376, Pejabat Kenaziran
Sekolah-Sekolah,

Jalan Setia Negara, Spg 37-35

7. Banglo 377, Pejabat Jabatan
Pendidikan Ko-Kurikulum

8. Banglo 378, Pejabat Jabatan
Perancangan dan Pengurusan
Estet, Jalan Kerma Negara

9. Flat Kementerian Pendidikan,
Jalan Setia Negara Spg 37-35

a) Flat Kelas C Blok 458 (6 Unit)

b) Flat Kelas C Blok 459 (6 Unit)

10. Flat Kelas F Blok 370, 371
Dan 372, Jalan Setia Negara,
Spg 37 (6+6+6 Unit)

11. Banglo 388 Pejabat Bahagian
Perkhidmatan Pemakanan
dan Asrama,

Jalan Setia Negara, Spg 37-36

12. Flat Kelas C Blok 417,
Jalan Setia Negara, Spg 37-6
Daerah Belait

**13. DA / JKSH / 131 / 2024 / 2025
[UPPK-NOV-2024]**

KB Zon 5 Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Pembuangan Sampah Bagi
Maktab / Sekolah / Asrama /
Pejabat / Perumahan Di Bawah
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Untuk 24 Bulan.

1. Sekolah Rendah Ahmad
Tajuddin
2. Sekolah Rendah Kuala Belait
3. Sekolah Rendah
Sungai Teraban
Daerah Belait

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 2 November 2024.
(Jam 9.00 Pagi)



Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 51 /
UPA / 10

Tajuk Sebut Harga:
General Repair Works At Unit
No.1, 7, 8, 11 Block B Municipal
Department Housing
Kg. Subok Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Pentadbiran:
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
24 Oktober 2024,
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Pemuliharaan Aset,
Bahagian Pengurusan
Pemuliharaan Estet,
Di Bangunan Blok 1 (B1)
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Tingkat 3, Flat Perumahan
Kerajaan Jalan Seri Beribi
Gadong BE1118,
Bandar Seri Begawan



[ii] Bil. Projek:
JKP / 11 / 2024
Tender Information Pack boleh
dipohonkan dan didapat
dengan menghantar e-mel kepada
tender.jkp@hdd.gov.bn.


Tarikh Buka Tawaran:
21 Oktober 2024.
(Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran:
12 November 2024.
(Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND30.00 [Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:
BND5.00 [Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



Tawaran-tawaran adalah dipelawa
dari Pemborong-Pemborong yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam Kelas II atau
III sahaja dan Kategori Kerja
KA01, B01, E01, E02, KPB01,
KPB02, KPB03 dan KPB04 bagi:

[i] Nama Projek :
Proposed Detached Stilt House
(Type B) At Lot 21435,
National Housing Scheme
At Lambak Kanan,
Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG SERASA



Berita dan Foto : Aimi Sani

SERASA, Ahad, 20 Oktober. - Penduduk Kampung Serasa mula keluar mengundi pada hari ini bagi memilih calon yang layak untuk

mengisi kekosongan jawatan sebagai Ketua Kampung Serasa, Mukim Serasa yang baharu pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Serasa, Mukim Serasa yang diadakan di

Sekolah Rendah Serasa, di sini.

Dua calon telah layak dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi mengisi jawatan tersebut iaitu Awang Abdurrahman bin Haji Othman, berumur 32 tahun dan

TURUT hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Lumapas 'B'.

bekerja di Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Kerja Raya sebagai Clerk of Works.

Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut telah menyaksikan Awang Abdurrahman meraih undian sebanyak 108 bersetuju. Manakala Awang Amizul Ruhaifi pula mendapat undian sebanyak 88 bersetuju, tidak ada catatan undian tidak bersetuju dan satu undian pula rosak.

Hasil keputusan keseluruhan pengundian yang diperoleh pada hari ini akan dibawa ke Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk proses-proses selanjutnya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong yang juga selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' dan Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin.

Penduduk Kampung Tanah Jambu, Salar undi, pilih ketua kampung baharu



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



MAJLIS dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (atas), manakala gambar bawah, calon tunggal yang layak bagi mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim Mentiri ialah Awang Mohammad Shamsulnizam bin Awang Haji Abdul Latiff.



Mentiri akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan

Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.

MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim Mentiri berlangsung di Dewan Mufakat Peladang, Kampung Tanah Jambu.

TANAH JAMBU, Ahad, 20 Oktober. - Seramai 115 penduduk kampung yang berdaftar hadir mengundi calon bagi mengisikan kekosongan jawatan sebagai Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim Mentiri.

Daripada 115 jumlah pengundi berkenaan, seorang pengundi menggunakan kaedah secara dalam talian melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan seramai 114 hadir dengan kaedah mengundi melalui kertas undi (ballot paper). Daripada jumlah yang hadir mengundi tersebut, seramai 111 orang bersetuju dan tiga undi tidak setuju.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim Mentiri pagi tadi berlangsung di Dewan Mufakat Peladang, Kampung Tanah Jambu, di sini, yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim Mentiri ialah Awang Mohammad Shamsulnizam bin Awang Haji Abdul Latiff yang berumur 37 tahun.

Beliau menetap di Kampung

Tanah Jambu sejak lahir dan mempunyai kelulusan Bachelor of Engineering Technology in Electronics, Universiti Kuala Lumpur pada tahun 2015. Pada ketika ini, calon berkhidmat di salah sebuah syarikat swasta sebagai Ketua Juruteknik.

Beliau dicadangkan oleh Awang Haji Sarabani bin Haji Bakar dan disokong oleh Awang Haji Muhammad bin Sukaimi selaku Penyokong Pertama dan Haji Awang Damit bin Metassan selaku Penyokong Kedua.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim

IMBASAN MINGGUAN



ANTARA mereka yang hadir pada Majlis Penutup Bengkel Kesempurnaan Sembahyang sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang diadakan selama tiga hari dari 14 hingga 16 Oktober 2024. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



MENGETENGAHKAN KREATIVITI PERTUKANGAN KAYU SYARIKAT, PENGUSAHA INDUSTRI PERKAYUAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SUNGAI HANCHING, Sabtu, 19 Oktober. - Syarikat TS Wood Sendirian Berhad menjuarai pertandingan bagi Kategori 'A', manakala Syarikat FRD Woodcraft pula menjuarai Kategori 'B' bagi Pertandingan Pembuatan Perabot Kayu sempena Hari Hutan Antarabangsa 2024. Sementara tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Syarikat Oriente Sdn. Bhd. dan Syarikat Tsen Sdn. Bhd. bagi Kategori 'A'.

Manakala bagi Kategori 'B', tempat kedua disandang oleh Syarikat Malaikah D'Seni, sementara Syarikat Majestiqore.Bn pula mendapat tempat ketiga. Semua syarikat berkenaan membawa pulang trofi, hadiah berserta sijil penyertaan.

Sehubungan dengan itu, satu Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Pembuatan Perabot Kayu sempena Hari Hutan Antarabangsa 2024 diadakan di Pusat Membeli-Belah OneCity, Kampung Sungai Hanching, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP),

Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Pertandingan pembuatan perabot kayu berkenaan adalah bertujuan untuk mempromosi produk perkayuan tempatan khususnya perabot kayu dan mengetengahkan kreativiti pertukangan kayu syarikat dan pengusaha industri perkayuan di negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa diketuai oleh Pegawai Perhutanan, Awang Ahmad Yusra bin Haji Adnan dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pegawai Perhutanan Kanan, Dayang Hajah Nur Salihah Amalina binti Haji Su'ut juga selaku Penyelaras Majlis.

Dayang Hajah Nur Salihah Amalina dalam ucapannya antara lain menekankan mengenai dengan objektif pertandingan iaitu untuk menggalakkan pengusaha tempatan menghasilkan produk perabot kayu tempatan yang berkualiti dan kreatif dan seterusnya adalah diharapkan produk - produk yang dipertandingkan berkenaan akan dapat diterima di pasaran dan menjadi pilihan sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar bagi sama-sama mendukung produk perkayuan keluaran anak tempatan.

Terdapat dua kategori dipertandingkan dalam pertandingan berkenaan berdasarkan kepada jenis produk yang dibuat. Kategori 'A' mempertandingkan pembuatan satu set meja tulis bagi kegunaan sekolah rendah dan menengah serta kerusi. Manakala, Kategori 'B' pula mempertandingkan pembuatan rak buku untuk kegunaan di rumah, pejabat dan tempat belajar.

Pertandingan pembuatan perabot kayu berkenaan juga memfokuskan kepada penghasilan perabot kayu yang berkualiti dan berpotensi untuk pemasaran dengan harga yang berpatutan dan mampu milik untuk digunakan secara umum seperti di sekolah, pejabat, rumah dan tempat yang bersesuaian.

Majlis berkenaan diadakan pada hari ketiga Ekspo Produk Perkayuan Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung semenjak 17 Oktober 2024.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap II KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; dan Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya selaku Pengerusi Majlis, serta wakil dari jabatan-jabatan kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Eratkan silaturahim, perkukuh perpaduan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BERAKAS, Sabtu, 19 Oktober. - Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) mengadakan Majlis Sambutan Hari Keluarga Kali Ke-3 bertempat di Dewan Kemasyarakatan 2, Jalan 77, Perumahan Negara Kampung

MAJLIS Perasmian Sambutan Hari Keluarga Kali Ke-3 disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (kiri).

Lambak Kanan. Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sambutan Hari Keluarga Kali Ke-3 disempurnakan oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Ghafar bin Haji Menudin.

Ini diikuti dengan kata alu-aluan daripada Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh dan disusuli dengan

ucapan perasmian oleh tetamu kehormat.

Acara ini diserikan dengan persembahan - persembahan nyanyian, Tarian Zapin, Tarian Joget, syair, sajak, Dondang dan Mukun oleh Ahli-ahli PKWE DBM di samping dimeriahkan lagi dengan aktiviti-aktiviti jualan.

Tujuan majlis tersebut adalah untuk mengerakkan hubungan silaturahim dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan para Ahli PKWE DBM serta keluarga selain untuk menjaga kemaslahatan warga emas.



ANTARA persembahan yang menyerikan lagi majlis.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024
- 2.'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024
- 3.'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 6 November 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

MESYUARAT BINCANGKAN KERJASAMA TANGANI CABARAN PEMBANTERASAN DADAH



■ Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Mesyuarat ASEAN Senior Officials on Drug Matters Ke-45 (ASOD) telah diadakan pada 2 hingga 4 Oktober 2024 secara dalam talian.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail serta beberapa orang Pegawai Kanan BKN.

Di samping itu juga, beberapa mesyuarat kumpulan kerja serta sesi konsultasi bersama rakan dialog turut diadakan yang bertujuan untuk mengukuhkan

kerjasama serantau dalam membanteras kegiatan jenayah dadah.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan dan seterusnya dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Lembaga Darah Berbahaya (DDB), Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Undersecretary Earl P. Saavedra.

Mesyuarat membincangkan antara lain, situasi terkini dan trend baharu, amalan terbaik serta potensi kerjasama dalam menangani cabaran pembanterasan dadah di rantau ini dan mengambil maklum aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di bawah naungan ASOD serta pelaksanaan ASEAN Workplan on Securing Communities Against Illicit Drugs 2016 - 2025.

Mesyuarat ASOD kali ini juga telah mengalu-alukan Australia sebagai rakan dialog ASOD baharu.

Seminar perkongsian ilmu berteraskan disiplin sains sosial



SESI lawatan ke IIUM Academy of Graduate & Professional Studies, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) telah bekerjasama dalam pengajuran Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET) 2024.

Seramai lebih 180 pembentang dan peserta telah menghadiri Seminar i-STET 2024 di bawah anjuran Pusat Pengajaran Teras (PPT) dengan kerjasama Institut Sains Islam (ISI) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung pada 15 hingga 16 Oktober 2024 bertempat di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajaran Quran dan Sunnah.

Dengan tema 'Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban dan Menyelami Budaya' telah memberi peluang pembentangan dan perkongsian ilmu terutama yang berteraskan

disiplin sains sosial serta bidang berkaitan seperti falsafah, etika, kemanusiaan, turath, agama, sains Islam, bahasa, psikologi, politik, sosiologi dan antropologi, sejarah dan peradaban, etnik dan budaya, media dan komunikasi serta bidang-bidang lain yang berkaitan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Exco Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan, Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Haji Lasim, mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Seminar berkenaan mendapat penyertaan daripada ahli akademik, pemain industri dan juga para pelajar universiti dari dalam serta luar negara.

Selain itu, pihak USIM turut menjemput tokoh-tokoh sarjana dari Malaysia, Indonesia dan UNISSA, Brunei iaitu Dekan FPPI, Profesor Madya Dr. Anis Malik Durani.

Thoha untuk menyampaikan ucaptama serta berkongsi ilmu dalam forum yang berkaitan dengan Adat Perpatih.

Bersempena Seminar i-STET 2024, FPPI telah membuat lawatan ke PPT, USIM dan Akademi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pusat Pengajaran Sains Islam dan Sosial, Pusat Pengajaran Profesional.

Antara tujuan lawatan adalah untuk membuat perbincangan lanjut mengenai peluang kerjasama antara universiti dalam aspek akademik, termasuk penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, serta pertukaran pelajar dan tenaga akademik.

Mengetuai rombongan ialah Dekan FPPI, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha; PM Dr. Adel M Abdulaziz Al Geriani; Dr. Ahamad Faosiy Ogunbad; Dr. Hussain Othman; Dr. Suleiman Muhammed Hussein Boayo; dan Dr. Nurefnazahani binti Haji Durani.

Cubaan seludup barang tegahan berjaya dipatahkan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Polis Marin (PolMar), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan terus giat menjalankan rondaan dan operasi di perairan Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk mencegah dan membanteras sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Hasil daripada usaha berkenaan telah berjaya mematahkan satu percubaan membawa masuk barang tegahan melalui perairan negara.


Pada kejadian sekitar jam 11.15 malam baru-baru ini, bot PolMar telah mengesan dua buah perahu yang mencurigakan bergerak laju dari sempadan negara jiran masuk ke perairan Sungai Brunei.

Aksi kejar-mengejar berlaku dan akhirnya telah berjaya memintas dan menahan sebuah perahu suspek.

Pemandu perahu berkenaan yang juga seorang lelaki tempatan cuba melarikan diri dengan terjun ke dalam air. Walau bagaimanapun dapat dikesan dan ditahan oleh anggota PolMar.

Manakala sebuah lagi perahu dapat melarikan diri menuju ke luar sempadan negara. Hasil siasatan mendapati perahu sarat mengandungi barang-barang tegahan, iaitu 908 karton rokok, 33 karton dan 60 botol minuman keras, dua biji vape dan wang tunai berjumlah BND110.

Kes disiasat mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006. Kesemua barang tegahan termasuk perahu diserahkan ke pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan selanjutnya.



HASIL siasatan mendapati perahu sarat mengandungi barang-barang tegahan, iaitu 908 karton rokok, 33 karton dan 60 botol minuman keras, dua biji vape dan wang tunai berjumlah BND110.



Sos Cili Nenas tempatan kini dalam pasaran

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Dayang Hajah Marinah Haji Abdul Hadi

Sos cili merupakan bahan pencincangan yang sering digunakan untuk dimakan bersama makanan bergoreng seperti ayam goreng, keropok dan popia sebagai penambah rasa. Selain itu, sos cili juga boleh digunakan dalam masakan seperti mi goreng, nasi goreng, BBQ dan sebagainya untuk memberikan rasa pedas yang menyelerakan bagi sesuatu juadah.

Malah sesetengah orang ada yang membawa sos cili sebagai bekal ketika melancung di luar negara terutama pada negeri yang susah untuk mendapatkan sos cili yang bersesuaian dengan tekak kita.

Sos cili buatan tempatan sudah digemari dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di negara kita ketika ini. Walaupun ia dijual masih dalam skala yang kecil, namun ia merupakan pembuka jalan dan satu permulaan yang baik untuk melihat sambutannya dalam kalangan orang ramai. Akan datang, generasi penerus akan dapat meneruskan pula kelangsungan produk ini.

Dayang Hajah Marinah binti Haji Abdul Hadi merupakan seorang ahli dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku Katok, kini giat mengusahakan Sos Cili Nenas sebagai salah satu produk baharu hiliran MPK tersebut yang bermula sekitar bulan Jun 2024. Umum sememangnya mengetahui nenas merupakan produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P) bagi Kampung Tungku Katok di samping Madu Kelulut.

Setakat ini, Dayang Hajah Marinah membuat sos ini dalam skala kecil iaitu sebanyak 10 ke 20 botol untuk satu sesi. Setiap sesi ia boleh disiapkan dalam tempoh tiga jam. Satu botol mengandungi 150ml dan dijual pada kadar BND1.50. Memandangkan Sos Cili Nenas ini baru sahaja diperkenalkan, maka peralatan yang digunakan adalah peralatan dapur yang biasa sahaja.

Ditanya untuk menambah jumlah produksi, sememangnya ada cita-cita ke arah itu namun semua ini juga tertakluk

kepada peningkatan hasil jualan misalnya pembelian mesin yang lebih besar dan sebagainya.

Botol yang digunakan diperoleh dari luar negeri manakala pelekat diusahakan sendiri. Beliau sudah mula membuat sos ini bermula pada bulan Jun dan apabila mendapat sambutan beliau terus membuat sos tersebut hingga kini. Lada diperoleh dari pasaran tempatan manakala nenas diperoleh dari MPK tersebut.

Menurut Dayang Hajah Marinah, penciptaan produk-produk hiliran adalah bagi membantu para belia mendapatkan idea-idea produk baharu di kampung berkenaan untuk kegunaan mereka pada masa akan datang agar mereka mempunyai pendapatan sendiri.

Timbulnya idea membuat Sos Cili Nenas ini adalah melalui pengalaman lalu di mana ada kalanya bekalan nenas MPK ini agak banyak dan tidak terjual semuanya. Oleh itu, dengan membuat produk baharu, nenas dapat digunakan dengan sebaiknya untuk membuat produk tersebut.

Untuk mendapatkan kemahiran membuat

sos, beliau telah belajar dari Pusat Pembangunan Belia (PPB) untuk menimba pengetahuan. Menimba ilmu pengetahuan dari PPB atau mana-mana institusi kemahiran adalah sangat penting bagi beliau. Ini kerana bukan sahaja kita perlu mengetahui proses memasak semata-mata tetapi yang lebih penting adalah untuk memantapkan lagi produk yang dibuat itu agar bersesuaian untuk dijual.

Dengan memperoleh sijil dari institusi kemahiran seperti ini, orang ramai juga lebih yakin untuk membeli produk yang dijual. Beliau juga bercita-cita suatu masa nanti untuk mengajar para belia di kampungnya untuk membuat produk-produk yang berpotensi untuk dijual agar keberadaan produk-produk yang dihasilkan oleh Ahli MPK ini berpanjangan.

Mudah-mudahan usaha kecil yang diusahakan oleh Dayang Hajah Marinah sebagai salah satu produk hiliran MPK ini akan berpanjangan pada masa akan datang. Generasi penerus seharusnya juga menghargai usaha yang telah diasaskan malah terus memantapkan lagi produk yang sedia ada.



Pendidikan mampu mengubah nasib

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

Di seluruh dunia, berjuta-juta orang masih hidup dalam kemiskinan dan kekurangan makanan. Dalam usaha untuk mencapai matlamat sifar kemiskinan dan kelaparan, pelbagai pihak memainkan peranan penting, termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjelaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan. Sekalipun di negara kita isu kemiskinan tidaklah sebesar di negara membangun lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani".

Sifar kemiskinan merupakan salah satu matlamat daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Agenda Global 2030. SDGs memiliki sasaran yang lebih meluas dengan 17 matlamat, 169 sasaran dan 232 penunjuk prestasi. Matlamat SDGs ini walau bagaimanapun mesti dicapai oleh global menjelang tahun 2030.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini menunjukkan keprihatinan baginda mengenai masalah sosial di negara ini terutama kebaikan rakyat baginda. Walaupun isu kemiskinan tidak seperti di negara membangun tetapi kita harus berusaha untuk menangani kemiskinan sebelum ia menjadi parah. Justeru, dengan pelbagai inisiatif serta usaha-usaha daripada pihak kerajaan serta NGOs di negara ini diharap akan dapat meningkatkan ekonomi negara agar tidak terjerumus dalam kemiskinan. Rakyat perlu peka untuk terus memperbaiki kualiti kehidupan dengan berusaha melalui bidang keusahawanan, meningkatkan pendidikan serta pengalaman agar dapat menangani kemiskinan. Meneroka bidang pertanian, perikanan juga mampu mengubah nasib jika diusahakan bersungguh-sungguh. Apa yang penting ialah sikap kita sendiri untuk mengubah kualiti hidup kita.

"Seperti dimaklumi, pada hari ini SDGs atau Matlamat Pembangunan Mampan adalah agenda global yang ditekankan untuk dilaksanakan oleh setiap negara. Negara kita turut tidak ketinggalan berusaha ke arah mencapai matlamat 'sifar kemiskinan' :

berkenaan. Daripada 17 matlamat yang telah disenaraikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antaranya ialah sifar kemiskinan. Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjelaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan. Sekalipun di negara kita isu kemiskinan tidaklah sebesar di negara membangun lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani".

Salah satu usaha untuk menangani kemiskinan ialah melalui pendidikan. Pendidikan merupakan salah satu cara untuk keluar daripada jaringan kemiskinan. Dengan pendidikan, diharap akan dapat mengubah persepsi masyarakat tentang kemiskinan. Orang ramai perlu menyedari dan bersikap positif bahawa kemiskinan boleh dihapuskan jika mempunyai pendidikan yang dapat mengubah gaya hidup.

Daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini menunjukkan keprihatinan baginda mengenai masalah sosial di negara ini terutama kebaikan rakyat baginda. Walaupun isu kemiskinan tidak seperti di negara membangun tetapi kita harus berusaha untuk menangani kemiskinan sebelum ia menjadi parah. Justeru, dengan pelbagai inisiatif serta usaha-usaha daripada pihak kerajaan serta NGOs di negara ini diharap akan dapat meningkatkan ekonomi negara agar tidak terjerumus dalam kemiskinan. Rakyat perlu peka untuk terus memperbaiki kualiti kehidupan dengan berusaha melalui bidang keusahawanan, meningkatkan pendidikan serta pengalaman agar dapat menangani kemiskinan. Meneroka bidang pertanian, perikanan juga mampu mengubah nasib jika diusahakan bersungguh-sungguh. Apa yang penting ialah sikap kita sendiri untuk mengubah kualiti hidup kita.

Tidak dinafikan kurangnya pendedahan mengenai pendidikan dalam kalangan sesebuah keluarga yang hidup dalam kesusahan akan menyebabkan generasi mereka yang seterusnya

Kepentingan pendidikan

akan terus hidup dalam kemiskinan. Dan gaya hidup seperti ini akan berterusan jika tidak ada kesedaran untuk berusaha mengubah ke arah kehidupan yang lebih baik.

Pendidikan dan latihan kemahiran adalah kunci kepada pemberdayaan individu dan komuniti. NGO sering melaksanakan program pendidikan yang memberi tumpuan kepada kanak-kanak, remaja dan dewasa yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan formal. Selain itu, mereka juga menawarkan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perniagaan kecil dan teknologi. Ini membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan, seterusnya mengurangkan kemiskinan.

Pendidikan memperbaiki kesejahteraan dan mengurangi kemiskinan secara langsung dengan cara meningkatkan produktiviti bagi penduduk miskin dan memperbaiki peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan dengan upah yang lebih baik.

Begitu juga dalam dunia pertanian. Ilmu pengetahuan yang luas banyak membantu mereka dalam memainkan peranan penting dalam menyokong petani kecil dengan menyediakan latihan, akses kepada benih berkualiti dan teknologi pertanian moden. Mereka juga membantu petani dalam memasarkan produk mereka dan menghubungkan mereka dengan pasaran yang lebih luas. Melalui usaha ini, petani dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka, sekali gus mengurangkan

kelaparan.

Selain itu, pendidikan mengenai literasi kewangan sangat penting kerana ia adalah salah satu kaedah mengurangkan kemiskinan dan seterusnya menjurus pada sifar kemiskinan dalam kalangan banyak masyarakat.

Melalui literasi kewangan ini juga bermaksud mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang hal-hal kewangan yang berkaitan dengan perbankan, hartanah, insurans, pelaburan, simpanan dan cukai dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan kewangan. Dengan pengetahuan yang ada, diharap akan dapat memotivasi mereka yang terlibat untuk lebih berusaha memajukan diri sendiri berdasarkan pengetahuan mereka mengenai selok-belok kewangan. Ini juga dapat menghindarkan daripada ditipu oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Kesimpulan

Meskipun kehidupan tidak seindah yang dibayangkan tetapi jika berusaha untuk memajukan diri dengan ilmu yang ada setentunya ini akan dapat mengubah nasib masing-masing. Ilmu akan menjadikan seseorang bergerak maju ke hadapan, inovatif dan sedia melakukan perubahan akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan tidak akan selama-lamanya berada di takuk lama. Selain berusaha, doa dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala sangat penting kerana tidak akan berubah nasib seseorang itu jika dia sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya.



JOTA-JOTI 2024 LABUH TIRAI



KETUA Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Skipper Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup yang diadakan di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap (atas dan atas kanan).

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Oktober. – Jambori di Udara (JOTA) dan Jambori di Internet (JOTI) bagi Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah melabuhkan tirainya pada hari ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Skipper Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin. Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ahli PPNBD, Awang Afiq Zaki bin Suhaili, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Media dan IT) Skipper Muhammad Arman Jahran bin Abdullah Besi juga selaku Pengurus Bersama JOTA-JOTI.

Dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa adapun

tujuan sambutan pada kali ini adalah untuk mendedahkan kepada ahli-ahli pengakap mengenai teknologi-teknologi yang digunakan di mana ia juga merupakan satu platform yang besar dalam menaikkan imej berpengakapan khususnya dalam media sosial.

Yang Dipertua Persekutuan Radio Amatur Negara Brunei Darussalam (BDARA), Mejar (B) Awang Haji Tamat bin Haji Lampoh juga selaku Pengurus Bersama juga berucap melahirkan keyakinan bahawa sebahagian peserta Sambutan JOTA-JOTI tersebut mendapat pengalaman yang baharu iaitu melalui pertunjukan dan Perlawanan Amatuer Radio Direction Finding (ARDF) yang merupakan salah satu sukan yang sangat terkenal di Eropah dan Asia Pasifik.

Acara juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada

pemenang ARDF SLALOM dan Eyeball QSO yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Awang Muhammad Ibrahim dan Dayang Nur Aqilah Zakiyah.

JOTA-JOTI bagi Tahun 2024 ini berlangsung selama tiga hari bermula 18 hingga 20 Oktober diungkayahkan oleh PPNBD melalui Kelab Radio Amatur Pengakap dengan kerjasama rakan strategik BDARA untuk mengendalikan pelbagai aktiviti.

Antaranya, para peserta berpeluang untuk berkomunikasi secara langsung dengan pengakap dari luar negara, berkongsi pengalaman, budaya dan nilai pengakap.

Selain itu, para peserta juga berpeluang untuk mengikuti Aktiviti Pendidikan dan Cabaran Dalam Talian seperti menyertai permainan interaktif dan kuiz secara dalam talian melalui platform digital yang telah disediakan oleh pihak World Organization of Scout Movement (WOSM), untuk memupuk kreativiti



dan kemahiran menyelesaikan masalah serta bengkel mengenai keselamatan siber dan etika dalam talian yang dikendalikan oleh PPNBD bertujuan untuk mendidik para ahli-ahli pengakap mengenai penggunaan teknologi dengan bijak.

Turut hadir, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap, Ahli-ahli BDARA, Pemimpin-pemimpin Pengakap, Ahli Pengakap Dewasa serta ahli-ahli pengakap yang terdiri daripada Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمترین کسیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Ke arah meningkatkan produktiviti, mutu kerja



Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Rayuan Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Oktober. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri hari ini mengadakan Kursus Dalaman (*in-house training*), iaitu Kursus Keseimbangan Alam Pekerjaan Untuk Menjadi Penjawat Awam Yang Berjaya.

Kursus berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan

Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah dan dihadiri seramai 35 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah serta Jabatan Kehakiman Negara.

Bagi mengendalikan kursus berkenaan, pihak Mahkamah-mahkamah Syariah menjemput seorang fasilitator daripada pihak Institut Perkhidmatan Awam



MAHKAMAH-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri semasa mengadakan Kursus Keseimbangan Alam Pekerjaan Untuk Menjadi Penjawat Awam Yang Berjaya (atas dan atas kiri).

(IPA), iaitu Penolong Pegawai Latihan, Awang Hadini@ Nizamuddin bin Haji Ibrahim.

Antara tujuan dan objektif kursus berkenaan diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah mengenai cara untuk menjadi penjawat awam yang berjaya dan produktif serta bagi memberi pendedahan kepada

pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah mengenai situasi alam pekerjaan yang sering berubah dari semasa ke semasa

dengan menyesuaikan diri kepada kehendak sesuatu pekerjaan sebagai penjawat awam di sesebuah organisasi, begitu juga dalam memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan mahkamah dalam tatacara mengatasi tekanan di

tempat kerja agar tidak menghadapi isu *mental health* di tempat kerja.

Dengan adanya kursus berkenaan diharap akan dapat meningkatkan lagi produktiviti dan mutu kerja setiap pegawai dan kakitangan dalam menjalankan tugas masing-masing serta meningkatkan lagi keupayaan dan kesihatan mental masing-masing.

FATAH TUNTUT TINDAKAN SEGERA ARAB, ANTARABANGSA HENTIKAN GENOSID DI GAZA

RAMALLAH, 20 Okt. – Gerakan Fatah pada Sabtu menuntut tindakan 'segera dan menyeluruh' daripada negara-negara Arab dan masyarakat antarabangsa untuk menghentikan genosid Israel di Semenanjung Gaza, lapor Agensi Anadolu.

"Apa yang diperlukan sekarang ialah tindakan segera dan menyeluruh di semua peringkat, daripada semua negara Arab dan Islam serta masyarakat antarabangsa untuk menghentikan pembunuhan beramai-ramai yang sedang berlaku ini," kata jurucakap gerakan itu Abdel Fattah Dula, dalam satu kenyataan.

Dula turut menggesa pihak-pihak terbabit untuk mengambil tindakan segera dengan menghukum penjenayahnya.

pendudukan sebelum mereka menyempurnakan rancangan untuk menghapuskan rakyat di Gaza sama ada melalui pembunuhan, kebuluran atau pengusiran.

"Pasukan pendudukan Israel menjadikan Gaza seperti kolam takungan darah rakyat Palestin dengan melakukan tindakan genosid yang dahsyat dan melampaui batas, menyasarkan kawasan seperti Jabalia, Beit Lahiya, serta utara dan barat Semenanjung Gaza tanpa henti," katanya.

Dula berkata tiada sebarang tindakan mendesak terhadap Israel untuk menghentikan penjenayahnya di Gaza sebagai sesuatu yang memalukan dan mencurigakan, seolah-olah dunia menerima

jenayah ini dan memberikan darah rakyat Palestin ditumpahkan tanpa sebarang halangan atau tindakan serius.

Sekurang-kurangnya 73 rakyat Palestin terkorban dan puluhan cedera dalam serangan udara Israel yang menyasarkan blok kediaman di bandar Beit Lahiya di utara Semenanjung Gaza, menurut Pejabat Media Gaza pada Sabtu.

Untuk hari ke-15 berturut-turut, tentera Israel terus melancarkan serangan di utara Gaza. Utara Gaza berada di bawah kepungan dan pengeboman berterusan, dengan rumah-rumah dimusnahkan bersama penghuninya.

Israel meneruskan serangan kejam ke atas Gaza sejak 7 Okt 2023, walaupun terdapat resolusi

Majlis Keselamatan PBB yang menyerau gencatan senjata segera.

Lebih 42,500 orang terkorban, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, serta hampir 99,700 orang cedera, menurut pihak berkuasa kesihatan tempatan.

Serangan itu telah menyebabkan hampir seluruh penduduk Gaza kehilangan tempat tinggal di tengah-tengah sekatan



yang berterusan yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan, air bersih dan ubat-ubatan yang teruk. Israel kini berdepan kes genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa atas tindakannya di Gaza. – ©BERNAMA

Sejuta rakyat Kemboja terdedah kepada risiko periuk api – PM Hun Manet

PHNOM PENH, 20 Okt. - Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet pada Sabtu berkata bahawa hampir satu juta penduduk hidup di bawah ancaman bahan letupan jenis 'Unexploded Ordnance' (UXO) walaupun setelah tiga dekad usaha pembersihan giat dijalankan, lapor Fresh News.

Beliau berkata bahawa sekitar 1,700 kilometer persegi (km persegi) tanah masih terdedah kepada bahaya periuk api.

Periuk api semasa konflik Khmer Rouge pada 1990-an terus memberi ancaman kepada penduduk luar bandar walaupun terdapat usaha agresif daripada Kerajaan Kemboja, komuniti tempatan dan agensi antarabangsa untuk membersihkan sisa perang yang tidak meletup.

"Dalam hampir 30 tahun, kami membersihkan lebih daripada 3,000 km persegi tanah.

"Kini, kami masih mempunyai 1,700 km persegi tanah yang perlu dibersihkan, dengan kira-kira satu juta penduduk tinggal di kawasan yang terjejas oleh periuk api," kata Hun Manet, menurut media dalam talian Fresh News.

Kemboja pernah dilaporkan sebagai negara paling terjejas dengan periuk api, *cluster munitions*, dan senjata-senjata lain di dunia.

Bagaimanapun, usaha berterusan secara kolektif berjaya mengurangkan jumlah bahan letupan ini dan sebahagian daripada tanah yang bebas ancaman periuk api kini bertukar menjadi tanah pertanian yang

mengubah ekonomi luar bandar.

Kerajaan Kemboja sedang bekerja tanpa henti untuk mencapai visinya bagi membebaskan negara itu daripada periuk api menjelang 2025.

Pusat Tindakan Periuk Api Kemboja (CMAC) menjadi peneraju dalam usaha memusnahkan periuk api dan UXO serta memberikan pendidikan kepada komuniti tempatan mengenai bahaya senjata ini.

Dalam satu pertemuan dengan sukarelawan Belia Palang Merah Kemboja di Phnom Penh, Hun Manet mengingatkan orang ramai untuk terus menyokong aktiviti pemusnahan periuk api dan mengekalkan keamanan yang penting bagi kemajuan negara. - ©BERNAMA

Suri rumah rugi hampir RM700,000 terperdaya pelaburan tidak wujud

KUANTAN, 19 Okt. - Seorang suri rumah kerugian RM690,000 selepas terpedaya skim pelaburan tidak wujud dalam talian yang menjanjikan pulangan berganda.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata wanita berusia 42 tahun itu tertarik untuk menyertai pelaburan berkenaan melalui aplikasi WhatsApp dan diminta mendaftar dalam satu sistem, Julai lepas.

Beliau berkata mangsa kemudian telah diberikan latihan oleh suspek untuk membeli saham melalui pautan yang diberikan pada Julai dan Ogos lepas.

"Dalam tempoh 17 Julai hingga 14 Oktober, mangsa telah melakukan 25 transaksi ke dua akaun bank yang diberikan suspek.

"Mangsa kemudian telah menerima pulangan dalam

anggaran RM50,000 dan melabur semula sehingga kerugian sebanyak RM690,000. Sumber kewangan mangsa adalah daripada wang simpanan sendiri," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, Yahaya menasihati orang ramai agar tidak mudah percaya dengan pelaburan yang menawarkan keuntungan lumayan dalam masa singkat. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat Mpox di Afrika melonjak kepada 1,100

ADDIS ABABA, 19 Okt. - Angka kematian akibat wabak Mpox yang sedang melanda Afrika mencecah 1,100, termasuk 8,113 kes yang disahkan sejak awal tahun 2024, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC), lapor Xinhua.

Ketua Pengarah Africa CDC, Jean Kaseya berkata benua Afrika melaporkan 3,051 kes baru dan 50 kematian dalam tempoh seminggu lepas.

"Buat pertama kali, kes

dilaporkan di Zambia pada 8 Okt, dan di Zimbabwe pada 12 Okt. Kami juga mempunyai kes tambahan di Uganda dan Ghana. Malangnya, kematian pertama telah dilaporkan di Kenya," kata Kaseya.

Africa CDC memaklumkan bahawa 18 negara Afrika terjejas oleh wabak Mpox sejak awal tahun ini.

Data dari agensi penjagaan kesihatan khusus Kesatuan Afrika menunjukkan bahawa Afrika Tengah adalah wilayah yang paling

terjejas, merangkumi 86.4 peratus daripada semua kes yang dilaporkan.

Pusat itu mendedahkan bahawa jumlah kes Mpox yang dilaporkan tahun ini menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak 380 peratus berbanding jumlah kes yang direkodkan pada 2023.

Africa CDC turut menyuarakan keimbangan mengenai wabak baru di dua penjara di Uganda, dengan kes yang tiada sejarah perjalanan ke luar negara. - ©BERNAMA

Seluruh grid kuasa Cuba gagal berfungsi

MEXICO CITY, 19 Okt. - Seluruh grid kuasa di Cuba gagal berfungsi pada Jumaat, apabila Kementerian Tenaga negara mengumumkan bahawa loji kuasa terma Antonio Guiteras terhenti operasi secara tiba-tiba, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut kenyataan kementerian, kegagalan ini menyebabkan gangguan bekalan elektrik di seluruh negara.

Beberapa loji kuasa lain sudah tidak beroperasi disebabkan uzur. Cuba sedang menghadapi satu daripada krisis ekonomi paling buruk sejak revolusi yang dipimpin oleh Fidel Castro pada 1959.

Disebabkan keadaan infrastruktur yang usang - akibat sekatan perdagangan Amerika Syarikat yang berkuat kuasa lebih 60 tahun, loji kuasa terma di Cuba kerap terhenti operasi dan memerlukan baik pulih kecemasan.

Gangguan bekalan elektrik adalah perkara biasa di seluruh negara. - ©BERNAMA

Bilangan warga asing di Jepun cecah rekod 3.5 juta setakat Jun

TOKYO, 19 Okt. - Bilangan warga asing yang menetap di Jepun mencapai rekod tertinggi lebih 3.5 juta pada separuh pertama 2024, menurut data kerajaan pada Jumaat.

Pendedahan itu dibuat ketika Jepun berdepan kekurangan tenaga kerja akibat masyarakat yang semakin tua dan penurunan kadar kelahiran, lapor Agensi Berita Kyodo.

Menurut Agensi Perkhidmatan Imigresen, seramai 3,588,956 warga asing menetap di Jepun setakat akhir Jun, meningkat 177,964 daripada akhir 2023, dengan bilangan pekerja mahir tertentu melonjak 20.8 peratus kepada 251,747.

Visa untuk pekerja sedemikian diperkenalkan pada 2019, membolehkan mereka bekerja dalam industri yang ditetapkan tanpa memerlukan latihan. Jumlah pelatih di bawah program latihan teknikal Jepun meningkat sebanyak 5.2 peratus kepada 425,714 orang.

Sementara itu, pemastautin tetap yang membentuk kumpulan terbesar berdasarkan status kediaman, berjumlah 902,203 orang, meningkat 1.2 peratus. Jumlah ketibaan warga asing, termasuk pelancong, meningkat kepada 17,820,629 pada separuh pertama 2024. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



WALKATON HARI GURU ERAT SILATURAHIM WARGA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, KHEU



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan para peserta Walkaton (atas kanan dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara pengunjung yang hadir pada acara berkenaan.

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Pendidikan dan Kementerian Hal Ahad, 20 Oktober. - Kementerian

Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi



mengadakan acara Walkaton sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan para peserta Walkaton, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Acara Walkaton sejauh 3 kilometer berkenaan bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara berkenaan merupakan salah satu aktiviti riadah sukan bagi memeriahkan dan menyemarakkan Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Acara Walkaton yang dianjurkan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 berkenaan antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan dan KHEU. Acara berkenaan juga diharap dapat menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan emosi, sosial dan mental para peserta.

Selain itu, ia juga dianjurkan bagi menyokong hasrat negara menuju cara hidup sihat serta

memeriahkan lagi suasana Program Bandarku Ceria.

Di samping acara Walkaton, pada tahun ini juga diadakan Sukan Ria sempena Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2024, anjuran Jabatan Sekolah-sekolah yang dibuka kepada warga Kementerian Pendidikan dan orang ramai.

Acara berkenaan diisi dengan pelbagai permainan menarik yang dikendalikan oleh setiap kluster di bawah Jabatan Sekolah-sekolah.

Antara objektif utama acara berkenaan adalah bagi mengeratkan dan meningkatkan hubungan kekeluargaan serta silaturahim dalam kalangan pemimpin sekolah, guru-guru, ibu bapa, pelajar, kakitangan sekolah dan seluruh warga Kementerian Pendidikan di pelbagai peringkat.

Nidzam kecewa Selangor gagal 'bunuh' perlawanan berdepan PDRM

KUALA LUMPUR, 20 Okt. - Pengendali Selangor FC, Nidzam Jamil tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya, selepas skuad Gergasi Merah gagal membawa pulang tiga mata ketika bertemu PDRM FC pada aksi Liga Super 2024/2025 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang di sini, semalam.

Nidzam berkata Selangor gagal 'membunuh' perlawanan lebih awal, selepas mensia-siakan banyak peluang terhidang untuk melebarkan kedudukan, sebelum dihukum pada saat-saat akhir perlawanan sekali gus terpaksa berpuas hati membawa pulang satu mata.

"Kita sepatutnya kill the game lebih awal, peluang yang terhidang kita dapat kita tak gunakan sebaiknya dan kita (juga) dapat ia bukan senang untuk lawan PDRM di tempat lawan...tapi kita tak nak cakap pasal perkara lain cuma kita perlu perbaiki bagaimana untuk kuasai perlawanan."

"Dalam bola sepak kalau ada peluang tak ambil betul-betul, dan tempo minit ke minit akan berubah ...tetapi satu mata lebih baik daripada tiada, tetapi kami tidak puas hari dibolosi pada saat akhir," katanya pada sidang media selepas perlawanan itu di sini.

Pada pertembungan semalam, gol penyamaan pemain gantian PDRM FC Aremu Timothy Oluwaseun pada masa tambahan babak kedua perlawanan, menafikan kemenangan buat Selangor selepas gol pembukaan mereka menerusi Alvin Fortes pada minit ke-16.

Dalam pada itu, Nidzam berharap pasukannya mempelajari sesuatu daripada perlawanan semalam, selain mengingatkan mereka supaya mengutamakan keputusan berbanding gaya permainan.

Selangor kini menghuni tangga kedua Liga Super dengan mengumpul 26 mata

selepas 12 perlawanan dan ketinggalan lima mata di belakang pendahulu Johor Darul Ta'zim (JDT) yang baru bermain 11 perlawanan.

Selepas ini Selangor akan bertemu kelab Korea Selatan Jeonbuk Hyundai Motors FC dalam aksi ketiga Kumpulan H saingan Liga Juara-juara Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) 2 (ACL2) 2024/25 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Rabu depan.

Empat hari kemudian, anak buah Nidzam akan melayani kunjungan JDT dalam aksi tumpuan Liga Super di Stadium MBPJ pada Ahad. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERAPKAN KESEIMBANGAN, KESEDERHANAAN DALAM KEHIDUPAN KITA SEHARIAN